



**EBOOK INI ADALAH PERCUMA UNTUK ANDA DAN JUGA
BOLEH DIBERIKAN KENALAN ANDA....**

KATA PENGHANTAR

Assalamualaikum dan selamat sejahtera

diucapkan kepada semua terutamanya para pembaca ebook Tips Asas Menghadiri Temuduga Kerja Kerajaan ini. Tips ini **diberikan percuma** kepada anda yang berminat untuk bekerja di sektor awam yang akan berhadapan temuduga di sektor awam terutamanya oleh SPA (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam). Anda juga **boleh memberikan ebook percuma ini kepada sesiapa saja** yang anda mahu, yang berminat untuk bekerja dengan kerajaan.

Pada masa ini, masalah ekonomi yang teruk melanda bukan saja Malaysia akan tetapi seluruh dunia. Di Malaysia sendiri, terdapat beribu-ribu pekerja diberhentikan kerja pada setiap bulan. Bagaimana dengan kehidupan mereka seterusnya? Apa yang akan mereka lakukan untuk menyara kehidupan mereka? Lebih-lebih lagi bagi mereka yang mempunyai tanggungan yang besar. Sungguh kasihan. Adakah mereka hanya menunggu saja mengharapakan bantuan kerajaan? Mereka perlu mencari kerja yang baru untuk meneruskan kehidupan.

Jadi tidak hairanlah mengapa permohonan jawatan dalam sektor awam tiba-tiba meningkat dengan mendadak. Hampir setengah juta permohonan untuk memasuki biang kerja dalam sektor awam! Akan tetapi berapa kekosongan yang ada bagi jawatan yang dipohon?

Pada masa ini, sangat sukar mencari kerja. Malah yang bekerja pun mula runsing memikirkan adakah mereka juga bakal diberhentikan

kerja. Jadi pilihan mereka untuk mendapatkan kerjaya yang stabil yang dapat menjamin masa depan mereka adalah dengan menyertai sektor awam. Akan tetapi, adakah mudah untuk mengisi atau memasuki bidang kerja sektor awam? Ianya tidak semudah seperti yang disangkakan. Sangat susah sebenarnya...***Anda perlu bersaing dengan 200 - 500 pesaing yang lain bagi hanya satu kekosongan jawatan sahaja! Bagaimana untuk menjadikan diri anda yang terpilih di kalangan calon yang begitu ramai ini?***

Oleh itulah ebook percuma ini, iaitu Tips Asas Menghadiri Temuduga Kerja Kerajaan ini diberikan percuma kepada anda. Ebook ini hanya menerangkan **perkara asas sahaja**, tidak secara terperinci. Rahsia sebenar untuk lulus temuduga kerja kerajaan ada dinyatakan dalam **ebook Rahsia Lulus Temuduga Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh www.kerja-kerajaan.com**. Ebook tersebut dihasilkan berdasarkan kajian yang mendalam oleh penulis berdasarkan pengalaman, temuramah bersama ahli panel penemuduga sendiri termasuk pegawai dari INTAN, temuramah bersama lebih 100 bekas calon yang pernah menghadiri temuduga kerja kerajaan dan juga berdasarkan kajian saya sendiri di internet.

Penghargaan yang amat tinggi saya berikan kepada Dr. Irfan Khairi iaitu Jutawan Internet Malaysia yang mana beliau telah membuka mata saya untuk menceburi bidang penulisan ebook dan seterusnya bakal membantu anda dalam mencapai kerjaya pilihan anda iaitu bekerja dengan kerajaan. Tidak lupa juga buat En. Mohd Syamsyuraiddi juga seorang usahawan internet muda yang terkenal dan rakan-rakan lain di Wang Cyber.Com. Mereka ini adalah sifu dan juga pendorong semangat bagi saya.

Juga buat pembaca ebook ini, tanpa anda siapalah saya.
Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

A handwritten signature in black ink, written in a cursive style. The name 'Jamaluddin' is clearly legible, with a large, decorative flourish at the end of the word.

Jamaluddin Bahari

Admin kerja-kerajaan.com

Pengenalan

Untuk bergelar sebagai penjawat awam, anda perlu melalui temuduga terlebih dahulu samada melalui SPA Persekutuan mahupun SPA Negeri mahupun kementerian/agensi yang terbabit. Apabila anda telah mengisi borang permohonan bagi jawatan dalam SPA, jika berjaya, anda akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.

Adakah anda membuat persediaan bagi menghadapi temuduga tersebut? Tahukah anda bahawa tanpa membuat apa-apa persediaan sebelum menghadiri temuduga, kebarangkalian anda untuk berjaya adalah amat kecil. Itupun jika anda memang dilahirkan sebagai orang yang hebat dan genius. Tidak kira anda berkelulusan luar negara mahupun dalam negara, ianya tidak menjamin anda akan lulus temuduga tersebut.

Untuk menghadiri temuduga, anda perlu tahu beberapa perkara asas terlebih dahulu. Ebook percuma ini akan memberikan anda tips-tips tersebut dengan percuma sahaja. Teruskan pembacaan anda....

Yang Patut Anda Elakkan Semasa Temuduga



Berikut adalah perkara-perkara yang sepatutnya anda elakkan ketika berada dalam bilik temuduga untuk mengelakkan penemuduga berasa bosan dan menyampah kepada anda :

1. Bercakap perkara-perkara yang tidak berkaitan atau tidak kena mengenai dengan soalan yang ditanya secara keterlaluan/berlebihan.
2. Tidak memberikan tumpuan/fokus kepada penemuduga tertentu apabila ditemuduga lebih dari seorang penemuduga
3. Mengelak dari menjawab soalan penemuduga atau mengalih perhatian panel dengan bercakap kepada perkara lain
4. Memandang rendah akan pengetahuan penemuduga konon-kononnya adalah yang terbijak, ini dapat dilihat dengan jawapan yang anda berikan.

5. Menggunakan nama-nama orang berpangkat /besar dalam temuduga anda (kononnya ada kabel besar la ni) dengan harapan penemuduga tersebut kagum dengan anda
6. Mencabar penemuduga dengan bertanyakan soalan yang rumit dan terlalu teknikal (sepatutnya panel yang tanya anda, bukannya anda menanyakan panel...)

Perkara-perkara ini bukan sahaja membosankan dan membengangkan penemuduga, malah akan membuatkan panel penemuduga merasa muak dengan anda dan seterusnya menggelapkan peluang untuk anda dipiliha. Jadi, elakkan perkara-perkara sebegini berlaku.! Kadangkala kita tidak menyedari apa yang kita buat tu sebenarnya membuatkan orang tidak suka pada kita walaupun kita sendiri merasakannya sangat bagus.

Pengawalan Emosi Semasa Temuduga

Benar atau tidak jika saya katakan bahawa anda pasti naik darah jika orang memandang rendah atau menghina-hina anda? Sudah pasti!.

Semasa berada di bilik temuduga, kerap kali anda akan ditanyakan soalan-soalan yang anda kurang bersedia dan kadangkala seolah-olah "mencabar" kewibawaan anda. Ini sebenarnya adalah strategi panel penemuduga untuk menguji emosi anda. Adakah anda seorang yang "cool", cepat marah, kurang bersabar dan sebagainya.

Apa yang perlu anda lakukan adalah :

1. Sedarkan diri anda bahawa penemuduga hanya sedang menguji anda
2. Jawab pertanyaan dengan jelas dan lantang..Jangan terlalu laju atau terlalu perlahan.
3. Buangkan sifat ego anda..rendahkan diri
4. Tenangkan diri anda sebelum menjawab soalan,
5. Senyumlah, walaupun ianya dibuat-buat (seeloknya adalah senyuman ikhlas)
6. Tunjuk dan buktikan bahawa anda benar-benar berminat dengan jawatan yang dipohon.

Selain itu, anda dinasihatkan supaya jangan terburu-buru menjawab soalan-soalan sebegini, ambil masa untuk berfikir sejenak,dan jawablah dengan fikiran yang tenang. Jika anda terburu-buru menjawabnya dikhuatiri anda akan hilang daya

tumpuan dan tidak dapat mengawal emosi. Silap haribulan boleh berperang mulut dengan panel penemuduga.

Penjagaan Tingkahlaku dan Adab Semasa Temuduga

1. Jangan sekali-kali menipu semasa dalam temuduga.
2. Jika anda tidak tahu jawapan, janganlah cuba hendak berbohong ataupun mendiamkan diri sahaja. Sebaiknya anda bercakap terus terang sahaja yang anda tidak tahu jawapannya.

3. Bersedia memberitahu penemuduga tentang keluarga anda, persekolahan, kegemaran dan aktiviti anda.
4. Jangan cuba berbincang apa-apa masalah peribadi anda semasa temuduga. Mereka tidak ingin mendengarnya.
5. Jika ditanya pengalaman bekerja dahulu, berilah keterangan dengan ringkas, padat dan tepat.
6. Jangan sekali-kali anda memburukkan bekas majikan anda tdaik kira di sektor swasta atau kerajaan dahulu. Ceritalah yang baik-baik sahaja.
7. Nyatakan kelayakan dan kelulusan anda yang sebenarnya, tetapi janganlah membangga-banggakan diri sekiranya kelayakan anda itu terlalu hebat.
8. Anda hendaklah mengetahui serba sedikit akan tugas-tugas yang berkenaan dengan jawatan yang dipohon itu,.
9. Biarkan panel penemuduga sendiri yang akan menamatkan temuduga.
10. Anda perlu ucapkan terima kasih kepada penemuduga kerana telah menemuduga anda.
11. Jangan lupa bersalaman dengan panel penemuduga ye...

TIPS MENGHADAPI TEMUDUGA

ASPEK- ASPEK TEMUDUGA

Terdapat dua aspek mustahak mengenai temuduga. Aspek-aspek itu ialah :

a. Persediaan

b. Tingkah laku semasa temuduga

Persediaan

1. Selidik seberapa banyak yang dapat tentang pekerjaan yang anda pohon itu.

Sumber-sumber yang boleh membantu anda ialah :

- Mereka yang bekerja di dalam pekerjaan yang dipohon
- Bahan-bahan penerangan kerjaya yang boleh didapati dari pelbagai jabatan, firma dan perpustakaan
- Ibu-bapa, saudara-mara dan rakan-rakan

2. Selidik samada anda mempunyai kelulusan akademik dan kelulusan-kelulusan lain sebagaimana yang dikehendaki bagi pekerjaan yang anda pohon itu. Jangan semata-mata bergantung kepada nasib.

3. Jika anda ditemuduga bagi sesuatu pekerjaan yang berkehendakkan pengetahuan atau latihan khas, anda mungkin disoal tentang perkara tertentu yang berkaitan ataupun diberi satu ujian untuk menilai pengalaman, kemahiran atau kepantasan anda. Dalam hal seperti ini adalah berfaedah jika anda mengkaji semula perkara-perkara berkenaan sebelum menghadiri temuduga.

4. Anda hendaklah mengambil tahu tempat, tarikh dan masa temuduga akan diadakan dan hendaklah berada di tempat temuduga itu 10 minit sebelum temuduga itu dimulakan. **JANGAN SEKALI-KALI DATANG LAMBAT.**

5. Anda pakailah pakaian yang sesuai, kemas dan bersih. Jangan memakai pakaian yang terlampau berwarna-warni dan menjolok mata, berselipar, menggunakan minyak wangi dan alat solek yang berlebihan.

6. Kuku jari anda hendaklah bersih. Rambut hendaklah pendek bagi laki-laki dan kemas disikat bagi perempuan. Kasut anda juga hendaklah bersih.

7. Bawalah bersama-sama anda sijil-sijil asal sekolah, dokumen-

dokumen asal dan surat-surat akuan asal untuk disemak oleh majikan/penemuduga. Susunlah dokumen-dokumen ini mengikut susunan yang dikehendaki dan janganlah digulung.

8. Apabila dipanggil masuk ke dalam bilik temuduga, anda hendaklah mengetuk pintu terlebih dahulu sebelum memasuki bilik temuduga itu. Janganlah merasa gentar, masuklah dengan hati yang tenang serta penuh yakin.

9. Sediakan nama dan lain butiran mengenai dua orang benar-benar mengenali anda, tetapi bukan saudara-mara anda, yang akan memberi perakuan terhadap diri anda. Eloklah jika anda mendapatkan keizinan dahulu daripada mereka.

TINGKAHLAKU SEMASA TEMUDUGA

1. Semasa hendak masuk ke bilik temuduga JANGANLAH gentar. Buatlah seperti biasa saja. Ucapkan "Selamat Pagi" atau "Selamat Petang" mengikut pada keadaan waktu. Ini nanti akan memberi perasaan mesra di antara anda dan penemuduga.

2. Jangan hulurkan tangan anda untuk berjabat tangan selagi penemuduga itu tidak berbuat gerakan dahulu yang ianya hendak berbuat demikian.

3. Janganlah anda duduk selagi tidak disuruh. Apabila anda disuruh duduk, ucapkan terima kasih dan duduklah dengan sempurna serta tegakkan badan. Jangan gelisah.

4. Jangan anda letakkan barang-barang atau tangan ataupun siku anda di atas meja penemuduga itu.

5. Jangan anda cuba hendak mengalih keadaan kerusi yang disediakan itu.

6. Jangan goyang-goyangkan kaki ataupun menggerakkannya di sana sini. Jangan pula anda cuba hendak membaca surat-surat dan lain-lain kertas di atas meja penemuduga itu.

7. Biarkan penemuduga itu memulakan temuduga dahulu, jangan anda memulakannya pula.

8. Janganlah anda menjawab soalan-soalan dengan tergopoh-gapah. Sebaliknya jawablah dengan tenang dan jelas serta mudah didengar. Jawapan yang anda beri itu hendaklah tepat. Jangan bercakap panjang lebar, dan jangan gunakan bahasa kasar.

9. Apabila bercakap pandanglah ke muka penemuduga itu. Jika ahli-ahli panel yang menemuduga itu lebih daripada seorang maka arahkan jawapan-jawapan anda kepada Ketua Panel.

10. Gunakan perkataan seperti Tuan atau Puan pada panel yang menemuduga anda supaya mereka merasa dihormati.

11. Jangan menyampuk semasa penemuduga itu sedang bercakap dan jangan sekali-kali bergaduh dengan mereka.

12. Jangan mengunyah apa-apa di dalam mulut.

13. Jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata yang tidak benar semasa dalam temuduga.

14. Jika anda tidak tahu jawapan yang disoal itu, janganlah cuba

hendak berbohong ataupun mendiamkan diri sahaja, kerana ini akan melemahkan peluang anda. Eloklah anda bercakap terus terang yang anda tidak tahu jawapannya.

15. Bersedia memberitahu penemuduga tentang keluarga anda, persekolahan, kegemaran dan aktiviti anda. Jangan bercakap melebihi dan yang tidak sepatutnya.

16. Jangan berbincang apa-apa masalah peribadi anda semasa temuduga.

17. Jika anda pernah bekerja dahulu, berilah keterangan dengan ringkas dan tepat berkenaan dengan pekerjaan itu.

18. Jangan sekali-kali anda cuba hendak mencela bekas majikan anda.

19. Nyatakan kelayakan dan kelulusan anda yang benar, tetapi janganlah membesar-besarkan perkara itu.

20. Anda hendaklah mengetahui serba sedikit akan tugas-tugas yang bersabit dengan pekerjaan itu.

23. Biarkan penemuduga itu menamatkan temuduga.

24. Ucapkan terima kasih kepada penemuduga kerana memberi peluang kepada anda menyertai temuduga itu.

PENILAIAN TEMUDUGA

Dalam temuduga lazimnya penemuduga akan menilai diri anda dalam perkara-perkara seperti yang dijadualkan di bawah :

Amat Baik

Baik

Sederhana

Lemah

Catitan

PARAS RUPA FIZIKAL

Penampilan diri anda – dari segi berpakaian, rupa paras, kekemasan diri.

TINGKAHLAKU

Perlakuan am, pengawalan emosi, kejujuran, kesopanan, gaya dan ketenangan.

KEMAHIRAN BERTUTUR

Tenang, mudah difahami, kelancaran penyampaian, perbendaharaan kata dan pemilihan perkataan dan penyampaian yang jelas.

KEYAKINAN

Keyakinan diri, kematangan sikap dan pendapat, ketabahan dan kepastian.

KEWIBAWAAN

Personaliti yang tegas lagi bertenaga, keupayaan untuk menyakinkan dan mempertahankan hujah.

MOTIVASI

Desakan/kesungguhan, penyertaan dalam perbualan/perbincangan dan tidak mudah mengalah.

PEMBAWAAN

Kemesraan dan kemampuan bergaul, perangai, berfikiran luas, kawalan emosi.

KECERDASAN

Keupayaan analitikal, kecekapan menjawab, mentaakul, membina dan berfikiran logik.

PENGETAHUAN

Berhubung dengan kelayakan dan pengalaman, isu semasa, isu-isu hangat masakini.

DOA MENGHADAPI TEMUDUGA:

Wahai Tuhanku,

saya memohon pertolongan dengan Mu dan saya menyerah diri kepada Mu. Wahai Tuhanku, mudahkanlah untukku kesukaran pekerjaanku dan mudahkanlah untukku kesukaran perjalananku dan rezekikanlah daku kebajikan lebih banyak dari yang saya minta dan palingkanlah daripadaku segala kejahatan.

*Wahai Tuhanku, lapangkanlah dadaku, dan mudahkanlah urusanku. Wahai Tuhanku, bahwasanya saya memohon pemeliharaan Mu dan mempertaruhkan kepada Mu diriku, agamaku, ahliku dan kerabat-kerabatku dan segala nikmat yang telah * saudari/saudara * berikan kepadaku dan kepada mereka, baik mengenai akhirat mau pun mengenai dunia, peliharakanlah kami semua dari segala kejahatan, wahai Tuhan yang mulia.*

Saya akui kesucian Mu wahai Tuhanku..Amin..

INFO TAMBAHAN

Ikuti tips – tips temuduga tambahan dari masa ke semasa di blog <http://www.Kerja-kerajaan.com/blog>

Saya akan sentiasa cuba meng'update' kan info – info terkini berkenaan temuduga kerja kerajaan di di blog tersebut.

Sampingan,

Jika anda ingin belajar mencari wang sampingan tambahan seperti yang saya lakukan, anda boleh mula mempelajarinya di laman web di bawah secara PERCUMA. Khas buat pembeli ebook RLTKK.

Belajar Buat Ebook – www.buatebook.com

Belajar affiliate – www.buatebook.com/rahsiaaffiliate

Dan dapatkan info/tips berkenaannya di www.blogjamal.com

**DAPATKAN EBOOK YANG AMAT DICARI-CARI OLEH MEREKA
YANG **BERMINAT DENGAN KERJA KERAJAAN** SEKARANG INI..**

www.kerja-kerajaan.com

Ebook Yang Telah Membantu Ramai Mereka Yang **Berjaya** Dalam Temuduga Kerja Kerajaan Kini Telah Terjual Lebih Dari 2000 **Unit Dalam Masa 8 Bulan** Dilancarkan...Dapatkannya hanya di www.kerja-kerajaan.com

